PENANG

1 - 15 APRIL, 2024

PERCUMA

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Pelaburan diluluskan tertinggi




Jumlah pelaburan diluluskan bagi tahun 2023

Oleh : **SUNARTI YUSOFF & AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN** – Meskipun berdepan dengan pelbagai cabaran ekonomi global sepanjang tahun 2023, Pulau Pinang masih berada pada landasan kukuh apabila berjaya mencatatkan RM71.9 bilion dalam pelaburan diluluskan.

Kedudukan tersebut telah meletakkan Pulau Pinang sebagai pendahulu diikuti oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan nilai pelaburan diluluskan sebanyak RM58.3 bilion; Selangor (RM55.3 bilion); Johor (RM43.1 bilion) dan Kedah (RM28.7 bilion).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, rekod tersebut menunjukkan keyakinan para pelabur terhadap Pulau Pinang, khasnya, sebagai destinasi pilihan pelaburan unggul, kekal.

"Sebagai sebuah negeri kecil, Pulau Pinang masih mampu mengekalkan kedudukan yang kukuh sebagai penyumbang utama pelaburan negara.

"Rekod ini juga meletakkan Pulau Pinang kekal sebagai pengeksport utama di Malaysia dengan menyumbang 31.5 peratus daripada jumlah eksport negara," ujarnya sejurus pengumuman prestasi tahunan pelaburan negara yang dibuat oleh Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz pada 29 Februari lalu.

Dalam sesi Dewan Rakyat, Kon Yeow yang juga Ahli Parlimen Batu Kawan menzahirkan penghargaan mewakili seluruh rakyat Pulau Pinang atas komitmen semua agensi berkaitan dalam menarik kemasukan pelaburan ke Malaysia khasnya ke Pulau Pinang.

"Berlandaskan ini, adalah wajar sekiranya jaringan infrastruktur khasnya jalan raya, pengangkutan dan pembekalan sumber tenaga seperti air serta elektrik di Pulau Pinang dipertingkatkan.

"Pulau Pinang tidak pernah menafikan bahawa usaha pembangunan ekonomi memerlukan sokongan serta 'suntikan' (peruntukan) berterusan daripada Kerajaan Persekutuan.

"Justeru, perhatian dan kerjasama dalam meningkatkan keperluan serta jaringan infrastruktur termasuk projek-projek mega yang tergendala sebelum ini amatlah diperlukan demi kelangsungan pembangunan masa depan Pulau Pinang yang secara tidak langsung terhadap negara Malaysia juga," jelasnya ketika berucap pada 7 Mac lalu.

Dalam perkembangan sama, Ketua Pegawai Eksekutif *InvestPenang*, **DATO' LOO LEE LIAN** ketika dihubungi memaklumkan bahawa dasar mesra perniagaan yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri melalui *InvestPenang* menjadi antara faktor utama kejayaan Pulau Pinang dalam menarik pelaburan asing bernilai tinggi.

"*InvestPenang* kekal komited dalam usaha untuk meningkatkan kemudahan menjalankan perniagaan di negeri ini dengan menyediakan persekitaran kondusif dan mesra perniagaan.

Pada masa sama, *InvestPenang* juga akan terus mencari dan menarik pelaburan strategik berkualiti tinggi serta meningkatkan penyertaan syarikat tempatan dalam rantaian nilai global.

"Di samping itu, pihak kami juga akan mengenal pasti peluang dalam ketidaktentuan geopolitik serta perbezaan rantaian bekalan semasa," katanya sambil menzahirkan ucapan terima kasih kepada Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) serta agensi berkaitan atas usaha bersepadu dalam membolehkan pelaburan strategik masuk ke Pulau Pinang.

Bagi Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), **DATO' AZIZ BAKAR**, beliau turut berbangga dengan prestasi pelaburan semasa negeri Pulau Pinang.

*(Sambungan di muka 2).*

# Cepatkan perubahan industri teknologi makanan, pertanian pintar

**SEBERANG JAYA -** Penubuhan Majlis Industri Makanan dan Teknologi Pertanian Pulau Pinang di bawah *InvestPenang* (IP) diharap akan mempercepatkan lagi pertumbuhan sektor-sektor berkenaan di samping menarik lebih banyak pelaburan berkaitan ke negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata demikian semasa menyampaikan ucaptama sempena Persidangan Masa Depan Lestari Berkaitan Agrikultur Pintar dan Industri Makanan Pulau Pinang di sini pada 1 Februari 2024.

"Kerajaan Negeri melalui *InvestPenang* (IP) komited untuk saling berganding bahu dengan agensi-agensi berkaitan seumpama MIDA (Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia) dan MDEC (Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia) serta para pemegang taruh dalam sektor industri lain seperti sebelum ini untuk mempercepat lagi perubahan industri teknologi makanan serta pertanian pintar.

"Tumpuan pelaburan Kerajaan Negeri melalui *InvestPenang* (IP) ini sudah tentu dalam sektor E&E (elektrik dan elektronik), industri teknologi dan perkhidmatan perniagaan sejagat, (namun) saya percaya telah tiba masanya untuk memperkukuhkan industri pengeluaran makanan dengan memanfaatkan teknologi yang kita ada bagi menjana pertumbuhan sektor pertanian secara pintar," jelasnya yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi sambil memuji sokongan MIDA, MDEC dan Perbadanan Pembangunan Sumber Manusia (HRD Corp) pada penganjuran persidangan tersebut.



**KETUA Menteri mendengar penerangan berkaitan projek pertanian pintar daripada wakil syarikat yang terlibat dalam Persidangan Masa Depan Lestari Berkaitan Agrikultur Pintar dan Industri Makanan Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

Di samping itu, Kon Yeow turut memuji inisiatif Putrajaya melancarkan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (NCP 2.0) dengan menyasarkan industri makanan dan pertanian kian berdaya saing, mampan serta mampu menjana pertumbuhan ekonomi negara.

Menurut beliau, dasar Persekutuan itu adalah selari dengan usaha di negeri ini untuk menggandakan kadar pengeluaran dalam tiga subsektor berkaitan iaitu pertanian, penternakan dan perikanan.

Sehubungan itu, Kon Yeow berharap Ketua Pegawai Eksekutif IP, Dato' Loo Lee Lian selaku Pengerusi Majlis Industri Makanan dan Teknologi Pertanian Pulau Pinang dapat saling bekerjasama dengan beberapa penggerak industri yang menganggotai 'majlis' baharu tersebut kelak.

Mereka, antaranya *Federal Oat Mills*, Persekutuan Pengilang Malaysia (FMM), Ghee Hiang, Syarikat Kilang Rempa Jaya Sakti, *Tropical Consolidated, Enza Zaden*, *Golden Fresh*, Produk Makanan Enak Gembira dan *ViTrox Agritech*.

Dalam sidang media selepas itu, Kon Yeow menyatakan bahawa dengan bank tanah sedia ada untuk tujuan pertanian di negeri ini, sebenarnya ia masih mampu menarik pelaburan berkaitan.

"Pertanian pintar ini sebenarnya tidak memerlukan (bank tanah) berskala besar, kalau berminat, boleh tanam sayur dalam rumah.

"Sekiranya ramai menceburi bidang penanaman dalam rumah atau (bangunan) pejabat, ia sekali gus boleh meningkatkan keterjaminan makanan kita," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Batu Kawan.

*(Sambungan dari muka 1).*

## Tanda keyakinan pelabur

Menurut beliau, kejayaan tersebut menggambarkan keyakinan para pelabur terhadap negeri ini serta taman-taman perindustrian yang dibangunkan oleh PDC.

"PDC akan terus meningkatkan kualiti taman-taman perindustrian terutamanya Taman Perindustrian Batu Kawan Fasa 3 (BKIP 3) dan *Batu Kawan Technology Park* (BCTP) dengan konsep ketersediaan infrastruktur atau *'Infra Ready Concept'*.

"Malah, PDC juga terus memainkan peranan penting dalam menyediakan infrastruktur fizikal dan kemudahan logistik bagi mewujudkan ekosistem yang komprehensif, kondusif serta meningkatkan ketersambungan dan keperluan pihak industri termasuk hab perkhidmatan perniagaan global atau *Global Business Services* (GBS), *Workers Village* dan hab logistik.

"Pada masa sama, PDC juga akan terus komited untuk memacu sektor perindustrian menerusi kerjasama berterusan dengan pelbagai pihak, dalam memperkasakan daya saing negeri (Pulau Pinang)," responsnya ketika dihubungi baru-baru ini.

Pengarah MIDA Pulau Pinang, **MUHAMMAD GHADDAFFI SARDAR MOHAMED** pula menyatakan beliau yakin bahawa usaha bersepadu pelbagai pihak pada peringkat Persekutuan dan Negeri telah membuahkan hasil yang positif.

"Pulau Pinang menyumbang RM71.9 bilion daripada jumlah pelaburan RM329.4 bilion yang diluluskan di Malaysia meliputi sektor utama iaitu pembuatan dan perkhidmatan bagi tahun 2023 yang mana ia meningkat dengan ketara berbanding tahun 2022 berjumlah RM16.3 bilion.

"Daripada jumlah RM71.9 bilion itu, sebanyak RM61.7 bilion adalah daripada pelaburan langsung asing (FDI) manakala pelaburan langsung domestik (DDI) menyumbang RM10.2 bilion, (dan) ini telah mewujudkan 20,701 peluang pekerjaan melibatkan 415 projek yang diluluskan," ujarnya.

Mengulas lanjut, Muhammad Ghaddaffi memberitahu bahawa sektor perkilangan terus menjadi penyumbang terbesar dengan RM63.4 bilion, didahului oleh industri elektrik & elektronik (86.2 peratus), kimia & produk kimia (5.4 peratus) dan diikuti oleh industri lain.

"Kejayaan ini menyerlahkan keberkesanan strategi promosi pelaburan, daya tarikan Pulau Pinang sebagai destinasi pelaburan dan usaha kolaboratif yang telah melonjakkan negeri ini ke hadapan dalam landskap pelaburan negara.

"Selain itu, ia menandakan keyakinan para pelabur terhadap potensi rantau ini dan menyerlahkan dedikasi kami terhadap pembangunan ekonomi yang mampan," katanya.



**LOO Lee Lian.**



**AZIZ Bakar.**



**MUHAMMAD Ghaddaffi Sardar Mohamed.**

# Terminal Bas Ekspres Sungai Nibong diharap setanding *Penang Sentral*, efisien

**KERJA-kerja** pembaikan Terminal Bas Ekspres Sungai Nibong kini masih lagi dilaksanakan serta dalam proses pemasangan papan tanda dan fasiliti yang berkaitan.

Kerja-kerja pembaikan dijangka siap pada tahun ini sebelum dibuka kembali kepada orang awam kelak.

Wartawan Buletin Mutiara, **NUR ASHIKIN ISMAIL** bersama-sama jurugambar, **ALISSALA THIAN** berpeluang membuat tinjauan lapangan serta mendapatkan maklum balas lanjut daripada pihak berkenaan mengenai kerja pembaikan dan penaiktarafan terminal tersebut.

Pemangku Pengarah Penilaian dan Pengurusan Harta, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), **NORMADIAH DESA** menyatakan bahawa kerja pembaikan sedang berjalan lancar dengan pemantauan secara langsung oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan.

"Setiap bulan akan diadakan mesyuarat mengenai kemas kini kerja pembaikan yang sedang berjalan ini, barisan Ahli Majlis MBPP juga turun padang untuk membuat pemantauan lanjut.

"Selain itu, kerja pembaikan juga hampir siap dan hanya perlu menambah beberapa elemen fasiliti, pihak pengurusan dan juga MBPP akan memaklumkan semula tarikh pelancaran pada masa akan datang," ujarnya ketika dihubungi pada 28 Februari lalu.

**MUHAMMAD MUNAWWAR MOHD. ALI** yang merupakan kakitangan di Bahagian Teknologi Maklumat (IT) berkongsi lanjut mengenai langkah-langkah yang perlu dipenuhi memandangkan sistem perkhidmatan baharu adalah berbeza berbanding sebelum ini.

"Kini, pelanggan hanya perlu menaiki lif atau eskalator yang tersedia di bangunan baharu, kemudian naik ke tingkat atas, setelah daftar masuk tiket di kaunter, mereka perlu berjalan ke bahagian hujung untuk mengimbas tiket dan turun ke platform masing-masing.

"Terdapat juga pengunjung yang masih keliru dek ketiadaan papan tanda, oleh itu, pihak kami di sini akan mencuba sedaya upaya untuk memberi bimbingan serta panduan kepada pelanggan yang datang," jelasnya.

Seorang responden, **MOHD. KAMIL ISMAIL** memuji kerja pembaikan yang dilihat sebagai salah satu inisiatif yang bagus dan wajar dilaksanakan.

"Umum mengetahui Pulau Pinang merupakan hab pelancongan yang sering dikunjungi pelancong luar, terminal ini merupakan *'one stop centre'* mereka untuk meneroka tempat menarik.

"Oleh itu, elemen pemodenan seperti ini wajar dilakukan dan diharapkan ia adalah efisien setanding *Penang Sentral* dan juga Terminal Bersepadu Selatan (TBS) yang mana banyak lagi fasiliti seperti mesin juruwang automatik (ATM) dan lain-lain berkaitan disedia serta diintegrasikan," responnya yang juga seorang pemandu teksi yang telah berkhidmat lebih daripada 20 tahun.

Dalam pada itu, **ISMAIL IBRAHIM**, 61, mengharapkan kemudahan berhubung kewujudan jurubahasa yang juga wajar disediakan.

*(Sambungan di muka 5).*




WAJAH baharu Terminal Bas Ekspres Sungai Nibong.



MOHD. Kamil Ismail.



ISMAIL Ibrahim.



ABDULLAH Hamid Mydin.



LALUAN-laluan masuk bas yang telah dinaik taraf.




REKA bentuk dalaman.

# Parit *Fort Cornwallis* jangka buka 7 Julai

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **SIEW CHIA EN**

**GEORGE TOWN –** Projek konservasi parit *Fort Cornwallis* dijadual siap dan dijangka dibuka kepada orang ramai pada 7 Julai ini.

Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi memberitahu bahawa masih terdapat banyak kerja yang perlu dilakukan, namun, bahagian parit selatan (di *Fort Cornwallis*) akan dibuka yang mana membolehkan orang ramai kembali menikmati sebahagian struktur bangunan bersejarah tersebut," jelasnya seusai mengadakan lawatan tapak lokasi berkaitan di sini pada 5 Mac 2024.

Difahamkan, projek tersebut menelan belanja kira-kira RM20 juta yang mana melibatkan kerjasama antara George Town Conservation and Development Corporation Sdn. Bhd. (GTCDC), Perbadanan Ketua Menteri (CMI), Think City Sdn. Bhd. (Think City) dan *Aga Khan Trust for Culture* selaku firma penasihat teknikal.

Setakat ini, kira-kira RM10 juta dibelanjakan untuk kerja-kerja penggalian dan konservasi di sekitar kubu berparit tersebut, sementara RM10 juta lagi akan dibelanjakan bagi menyiapkan projek berkaitan.



**BANGUNAN muziumlogi atau bilik stor berkubu yang telah siap dan akan dibuka menjelang hujung tahun ini.**



**PROJEK konservasi parit *Fort Cornwallis* yang dijadual siap serta dijangka dibuka kepada orang ramai pada 7 Julai 2024.**

Dalam sidang media sama, Pengarah Urusan Think City, Hamdan Abdul Majeed memberitahu bahawa kerja-kerja memulihara semula bangunan muziumlogi ataupun bilik stor berkubu telah siap dan akan dibuka menjelang hujung tahun ini.

"Ketika ini, kerja-kerja penyediaan bahan kandungan sedang dijalankan, kami jangka pada bulan November atau Disember ini ia akan dibuka kepada pengunjung," ujarnya.

Dalam perkembangan berkaitan, Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota memberitahu bahawa Astaka Kota Selera yang merupakan salah satu komponen projek berkaitan *Fort Cornwallis* di sini turut akan dipindahkan bagi memberi laluan kepada projek pembinaan semula tidak lama lagi.

"Astaka akan dipindahkan hanya di kawasan sekitar," responsnya yang juga Ahli Parlimen Batu Kawan.

# Klinik Desa Padang Menora bakal berwajah baru

**PERMATANG BERANGAN -** Dibina pada tahun 1962, Klinik Desa Padang Menora yang kini berusia 62 tahun akan diruntuhkan dan dibina semula dalam tahun ini juga dengan melibatkan peruntukan Kementerian Kesihatan (KKM) sebanyak RM800,000.

Exco Belia, Sukan dan Kesihatan, Daniel Gooi Zi Sen berkata bahawa pihaknya akan berbincang dengan Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) dan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) berhubung cadangan tempat pengoperasian perkhidmatan kesihatan sementara kepada penduduk setempat, sepanjang tempoh pelaksanaan projek persekutuan tersebut.

"Apabila kita (Jabatan Kerja Raya, JKR) melaksanakan kerja-kerja pembangunan ini, ke manakah penduduk setempat nak pergi untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan (yang mana) perkara itu dalam penelitian.

"Kita (Pihak Berkuasa Negeri) akan mendapatkan kepastian berhubung lokasi alternatif supaya perkhidmatan kesihatan berkaitan tidak tergendala sepanjang tempoh kerja-kerja pembangunan semula klinik desa ini dilaksanakan," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang dalam sidang media berkaitan di Klinik Desa Padang Menora di sini pada 27 Februari 2024.




Pengarah Kesihatan Negeri, Dr. Fazilah Shaik Allaudin; Timbalan Pengarah JKNPP, Dr. Alias Abdul Aziz; Pegawai Kesihatan Daerah Seberang Perai Utara (SPU), Dr. Izani Uzair Zubair; dan Jurutera Awam Penguasa Bangunan JKR Pulau Pinang, Ir. Ts. Mohamad Kamal Mohd Raudzi turut sertai sidang media tersebut.

Difahamkan, Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan semasa membentangkan Belanjawan 2024 antara lain mengumumkan peruntukan sebanyak RM150 juta untuk KKM menaik taraf, membaik pulih dan menyelenggara klinik serta fasiliti daif bagi tahun semasa.

Daripada jumlah peruntukan kepada KKM itu, Pulau Pinang menerima sebanyak RM4.5 juta untuk projek pembangunan berkaitan yang melibatkan 11 klinik dan fasiliti daif.

Selain Klinik Desa Padang Menora, Zi Sen memberitahu bahawa Klinik Desa Permatang Tok Mahat yang daif turut akan diruntuhkan, lalu dibina semula oleh JKR Pulau Pinang.

Sehubungan itu, Zi Sen berharap perancangan Kerajaan Perpaduan Persekutuan untuk melaksanakan projek penarafan di 11 klinik dan fasiliti daif termasuk Klinik Desa Padang Menora serta Klinik Desa Permatang Tok Mahat tersebut sekali gus menjawab isu berkaitan yang dibangkitkan oleh ADUN Pembangkang bagi Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Permatang Berangan, Mohd. Sobri Saleh dalam persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang pada bulan November tahun lepas.

**DANIEL Gooi Zi Sen (dua dari kanan) pada sidang media bersempena lawatan ke Klinik Desa Padang Menora di sini baru-baru ini.**



# BKIP 3 jangka siap 2031

## lengkap kemudahan sokongan

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMMAD**

PERBADANAN Pembangunan Pulau Pinang (PDC) bakal menawarkan pajakan tanah perindustrian kepada pelabur bagi tempoh maksimum 60 tahun selepas siapnya pembinaan Taman Perindustrian Batu Kawan 3 (BKIP 3).

Ketua Pegawai Eksekutif PDC, Dato' Aziz Bakar berkata bahawa dengan keluasan bersih seluas 407 ekar, BKIP 3 dijangka siap sepenuhnya pada Ogos 2031 yang mana Fasa 1A seluas 60 ekar dijangka siap pada Oktober 2025.

"Pembangunan BKIP 3 berbeza dengan BKIP dan taman perindustrian PDC lain dari segi pegangan tanah oleh pelabur.

"Disebabkan perubahan dan kehendak teknologi dalam masa singkat serta cabaran mendapatkan tanah industri baharu di Pulau Pinang, PDC akan melaksanakan konsep pajakan yang mana kami akan mendapatkan pegangan bebas dan seterusnya memajak tanah industri untuk tempoh maksimum 60 tahun kepada pelabur.

"Konsep ketersediaan dari segi infrastruktur atau *Infra Ready Concept* menjadi satu pendekatan baru oleh pihak PDC ke arah pembinaan projek BKIP 3, malah kami juga bekerjasama rapat dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB) agar konsep baharu tersebut direalisasikan.

"Selain itu, BKIP 3 juga akan dilengkapi dengan kemudahan sokongan lain seperti perumahan pekerja dan hab logistik.

"PDC juga menekankan pembangunan lestari termasuk penggunaan tenaga hijau dan bangunan hijau serta aktiviti kitar semula khususnya dalam pengurusan air," katanya kepada Buletin Mutiara ketika dihubungi baru-baru ini.



AZIZ Bakar.

Menerusi pembangunan BKIP 3, Aziz menyatakan bahawa PDC menyasarkan untuk mengekalkan pertumbuhan industri serupa dengan BKIP, memberi tumpuan kepada elektronik dan elektrik (E&E), peranti perubatan, mesin dan peralatan, kejuruteraan serta automasi. Sektor-sektor ini akan kekal sebagai keutamaan untuk perhatian berterusan.

"Sektor-sektor ini akan terus diberikan perhatian selain tumpuan turut diberikan terhadap syarikat tempatan yang menyokong ekosistem perindustrian Pulau Pinang," katanya.

Ditanya mengenai cabaran bakal dihadapi PDC dalam membangunkan BKIP 3, Aziz memberitahu bahawa selain peningkatan kos pembangunan, kesesakan lalu lintas juga menyebabkan jumlah trip untuk kerja tambunan bagi tujuan penyediaan tapak industri turut terjejas.

Tambahan pula menurut beliau, lokasi tapak kuari yang terlalu jauh juga menjadi cabaran dalam membangunkan BKIP 3.

"Satu lagi cabaran yang kita hadapi adalah keadaan tanah sedia ada yang tidak sesuai dan memerlukan rawatan tanah dilakukan sebelum infrastruktur dibangunkan," tambahnya.

Setelah siapnya BKIP 3, Aziz membayangkan bahawa Pulau Pinang bakal mengukuhkan lagi kedudukannya sebagai 'Lembah Silikon Timur', sekali gus mewujudkan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi.

"Dengan siapnya BKIP 3 kelak, Pulau Pinang akan terus menjadi penyumbang utama kepada ekonomi Malaysia dengan kehadiran pelaburan berimpak tinggi.

"Di samping itu, pembangunan Bandar Cassia yang merupakan bandar satelit ketiga yang dibangunkan oleh PDC juga mampu menerima impak positif daripada pembangunan BKIP 3.

"Saya optimis Pulau Pinang akan menjadi destinasi pilihan syarikat tempatan serta antarabangsa walaupun bersaing rapat dengan negeri-negeri lain seperti Selangor, Johor dan Kedah," ujarnya.

Pada 16 Februari lalu, Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Utama Anwar Ibrahim merasmikan majlis pecah tanah BKIP 3 dekat Bukit Tambun yang merupakan taman perindustrian ke-10 sedang dibangunkan oleh PDC ketika ini.

---

*(Sambungan dari muka 3).*

# Harap tidak pinggirkan penjaja, pemandu teksi

"Pelancong dari serata dunia datang ke sini dan ada juga di antara mereka yang tidak boleh bertutur dalam Bahasa Inggeris, agak sukar bagi sesiapa di sini hendak memberi panduan kepada mereka.

"Oleh itu, diharapkan banyak kemudahan boleh disediakan oleh pihak pengurusan bagi memudahkan pelanggan yang datang dan juga kakitangan-kakitangan yang bertugas di sini," cadangnya.

Seorang penjaja, **ABDULLAH HAMID MYDIN** memberitahu Buletin Mutiara bahawa inisiatif berkenaan adalah amat bagus dan diharapkan tiada sebarang pihak meminggirkan penjaja dan juga pemandu teksi di terminal berkenaan.

"Saya telah berniaga di sini sejak tahun 2005 dan menyokong kerja pembaikan yang sedang dijalankan, diharapkan pelanggan juga semakin ramai datang ke sini untuk menggunakan perkhidmatan tersedia.

"Perkhidmatan bas *RapidPenang* serta teksi turut tersedia di sini, oleh itu pelanggan tidak perlu khuatir dengan kemudahan yang telah sedia ada, mereka cuma sedikit keliru kerana belum ada papan tanda diletakkan sahaja" kongsinya.



SISTEM tiket yang terkini.



# Pusat Transit Gelandangan capai matlamat

**SETELAH** mula beroperasi pada pertengahan Jun 2023, Pusat Transit Gelandangan (PTG) di Jalan C.Y. Choy telah berbakti kepada 236 gelandangan yang mencari perlindungan di situ.

Ini belum termasuk individu-individu yang hadir secara harian untuk mendapatkan makanan percuma hasil sumbangan daripada badan-badan bukan kerajaan (NGO).

Ketika menerima kujungan penulis Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** dan jurugambar, **SIEW CHIA EN**, PTG sedang diduduki 32 penghuni.

Kunjungan Buletin Mutiara disambut oleh Pengurus PTG, **NAZATULWANIS MOHD. KHORISH** dan Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), **MUHAMAD FIRDAUS MAZLAN**.

Menurut Nazatulwanis, konsep di PTG adalah untuk membantu golongan gelandangan dari segi pelindungan, kebersihan, keselamatan dalam meneruskan kehidupan sebagai sebahagian daripada anggota masyarakat.

"Namun, kami tidak boleh memaksa mereka untuk tinggal di sini sekiranya mereka ditangkap melalui operasi, ada juga yang masuk pagi, petang atau malam sudah hilang.



**NAZATULWANIS Mohd. Khorish.**



**MUHAMAD Firdaus Mazlan.**

"Ada juga yang tidak mahu keluar dan lebih selesa tinggal di sini kerana diakui di sini lebih selesa dan agak lengkap dengan kemudahan.

"Apa yang kami bantu di sini adalah dari segi padanan kerja, mencari tempat tinggal baharu sekiranya mereka agak stabil dan pemantauan secara berterusan dilakukan dengan pihak majikan.

"Tidak terkecuali juga kita bantu pengurusan untuk masuk ke rumah-rumah kebajikan bagi kes-kes tertentu seperti warga emas, hilang upaya dan lain-lain berkaitan," ujarnya pada sesi wawancara yang diadakan pada 1 Mac lalu.

Tambah Nazatulwanis, PTG lazimnya menggunakan pendekatan '*soft approach*' terhadap golongan gelandangan yang dilihat mampu 'dipulihkan' untuk kembali ke dalam masyarakat sebagai insan normal, antaranya, inisiatif mewujudkan perkhidmatan mencuci motosikal serendah RM4 di PTG.

"Jadi bila dia dapat duit, dia mula seronok dan akan bersemangat untuk bekerja dan dapatkan duit.

"Di sini, kita kena mula bina semula motivasi mereka untuk bekerja, sebab sebelum ini mengemis lebih mudah untuk dapatkan duit," maklumnya.

Dalam melaksanakan perkara itu, Muhamad Firdaus pula berkongsi bahawa JKM turut memainkan peranan dalam 'memujuk' gelandangan agar mereka tidak kembali semula kepada kehidupan jalanan.

"Kita akan sentiasa jalankan pemantauan termasuk dengan pihak majikan mereka terutamanya dari aspek tingkah laku, dan kalau ada apa-apa, majikan akan lapor kepada kami.

"Selalunya pasaran kerja yang terlibat adalah pengawal keselamatan dan kerja-kerja pembersihan.

"Apa yang mengejutkan adalah apabila pihak polis yang mengadakan lawatan ke pusat sini memaklumkan bahawa terdapat di antara penghuni yang pernah terlibat dengan kegiatan jenayah dan juga rekod-rekod tertentu.

"Alhamdulillah, kita bersyukur kerana apabila 'dia' tinggal di sini, seolah-olah macam orang biasa tanpa menimbulkan kekacauan," ulasnya.

*(Sambungan di muka 7).*


THE LIGHT CITY MEZZO
PANGSAPURI MEWAH PINGGIR LAUT
DISKAUN 5% UNTUK BUMIPUTERA
Distinctively IJM




HARMONI LAUT & BANDAR
Suatu kediaman yang bukan sahaja menawarkan landskap mempesona dan kedamaian malah suasana riang gembira menanti anda. Dengan lokasi di kawasan bandar penuh kemeriahan dan kerancakan, anda akan menjadi sebahagian daripada komuniti yang menikmati akses eksklusif ke pelbagai kemudahan awam dan destinasi komersial.
Harga Jualan dari RM999,000 ke atas

PEMBANGUNAN BERSAMA
IJM PERENNIAL

JARINGAN SIMFONI SDN. BHD. 201501002724 (1128056-T)
THE LIGHT SALES GALLERY
Suite 16-01, Menara IJM Land, 1, Lebuh Tunku Kudin 3, 11700 Gelugor, Pulau Pinang, Malaysia.

+604 296 1333 IJM Land Berhad ijmland thelightcity.com.my

No. Lesen Pemaju: 19902/03-2027/0059(A) • Sah Hingga: 10/03/2022 - 16/03/2027 • No. Permit Jualan dan Iklan: 19902-1/03-2024/0407(R)-(S) • Tempoh Sah Permit: 17/03/2023 - 16/03/2024 • Pemaju: Jaringan Simfoni Sdn. Bhd. (1128056-T) • Alamat Pemaju: Tingkat 2, Wisma IJM, Jalan Yong Shook Lin, 46050 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan • No. Telefon: 604-3709999 • Pemajuan Perumahan: Mezzo • Harga Menara Pangsapuri A: RM1,009,000 - RM1,681,000 • Jenis Kediaman: Pangsapuri 96m² - 127 m² • Jumlah Tingkat: 34 Tingkat • Jumlah Baki Unit: 148 • Menara Pangsapuri B • Harga Menara Pangsapuri B: RM1,125,000 - RM1,674,000 • Jenis Kediaman: Pangsapuri 96m² - 127m² • Jumlah Tingkat: 34 Tingkat • Jumlah Baki Unit: 94 • Pegangan: Bebas • Bebanan (Gadaian) Tanah: CIMB Investment Bank Bhd • Tempoh Bebanan (Gadaian) Tanah: 48 Bulan (Tarikh Tamat Tempoh: Jun 2025) • Petak Aksesori: Ruang Penghawa Dingin, Lokar dan Tempat Letak Kereta (Kecuali Petak Tempat Letak Kereta Pelawat) • Diskaun 5% untuk Bumiputera • Tarikh Dijangka Siap: Julai 2025 • Pihak Berkuasa yang Meluluskan: Majlis Bandaraya Pulau Pinang • No. Kelulusan Pelan Bangunan: MBPP/OSC/PB9010/17 • Sekatan-Sekatan Kepentingan: Dalam tempoh 2 tahun pertama daripada tarikh pendaftaran pindah milik kepada pembeli pertama, tanah yang diberi milik ini tidak boleh dipindah milik, cagar, pajak, pajakan kecil atau dilepuskan tanpa kebenaran daripada Pihak Berkuasa Negeri. Selepas tempoh ini, sebarang urusniaga boleh dilakukan tanpa perlu mendapat kebenaran daripada Pihak Berkuasa Negeri. Sekatan kepentingan ini adalah selaras dengan Butiran 17.1(f)(iii) perjanjian.
IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA

(Sambungan dari muka 6).

# bantu kembali ke masyarakat

Menyentuh mengenai aspek keselamatan, Muhamad Firdaus memberitahu bahawa PTG kini dikawal oleh dua pengawal keselamatan, malah, pihak polis juga kerap mengadakan rondaan di sini demi memastikan keadaan adalah selamat.

Berbicara lebih lanjut, beliau turut berkongsi bahawa konsep di PTG juga adalah tidak menyediakan makanan kepada gelandangan sebaliknya ia adalah hasil sumbangan oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) tanpa putus.

"Cuma sekali dua pernah terputus akibat cuti umum, jadi kita gunakan stok bekalan kita sendiri.

"Makanan di sini tidak pernah terbazir, hari-hari habis tetapi kami juga terima sekiranya ada orang luar yang tidak berkemampuan untuk datang dan makan.

"Dalam pada itu, PTG turut berhubung rapat dengan komuniti rumah pangsa berhampiran, kalau ada lebihan makanan, kami akan telefon dan mereka akan datang untuk makan," ulasnya.

Selain makanan, PTG turut bekerjasama dengan NGO dan pihak hotel untuk mendapatkan kit pembersihan bertujuan menjamin kebersihan dalam kalangan gelandangan.

Lebih menarik, Nazatulwanis memberitahu bahawa ada kalangan 'alumni' yang kembali ke sini untuk belanja makan serta lain-lain keperluan kepada penghuni di PTG.

Bagi yang ingin menyampaikan bantuan atau sebarang jalinan kerjasama, boleh hubungi PTG menerusi *WhatsApp* di talian 014 - 790 4744.



RUANG makan PTG yang sering kali menjadi tumpuan penghuni dan bukan penghuni yang memerlukan bantuan khususnya dari segi makanan.



PTG merupakan inisiatif Kerajaan Negeri dalam menyediakan pusat perlindungan bagi membantu golongan gelandangan kembali ke masyarakat sebagai insan normal.



RUANG dobi yang disediakan.








# Low Wee Wern

## kini bergelar ketua jurulatih Filipina

**FIGURA** bernama **LOW WEE WERN** bukanlah asing bagi peminat sukan skuasy negara termasuk pada peringkat antarabangsa.

Pernah menjadi pemain nombor dua wanita Malaysia di belakang ratu skuasy negara, Dato' Nicol Ann David antara kemuncak karier Wee Wern selain pernah menduduki tangga kelima dunia.

Namun, kecederaan yang sering dialaminya dilihat sebagai satu cabaran getir buat anak kelahiran Pulau Pinang tersebut dalam menggilap kariernya ke tahap lebih tinggi.

Baru-baru ini, Wee Wern mendapat tawaran istimewa apabila Filipina berminat untuk mendapatkan khidmat beliau selaku ketua jurulatih pasukan skuasy negara tersebut.

Wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** dan jurugambar, **SIEW CHIA EN** sempat menemu bual Wee Wern pada 26 Februari lalu sebelum beliau berlepas ke Manila.

Pada mulanya, beliau agak keberatan untuk berkongsi berita tersebut sebelum menandatangani kontrak secara rasmi walaupun surat tawaran sudah dikeluarkan.

"Ya betul, saya dijangka menandatangani kontrak tersebut pada tempoh terdekat untuk menjadi ketua jurulatih bagi pasukan skuasy Filipina.

"Sejurus mengumumkan persaraan saya setelah 16 tahun mengabdikan diri dalam sukan skuasy, saya mendapat tawaran ini yang boleh sifatkan ia sebagai satu penghormatan kepada diri saya dan juga Malaysia.

"Difahamkan, terdapat 12 pemain bernaung di bawah persatuan skuasy Filipina, lima daripadanya adalah pemain profesional manakala bakinya adalah separuh masa," ujarnya ketika ditemui di Dewan Skuasy Nicol Ann David, Bukit Dumbar.

Dalam pertemuan tersebut, Wee Wern turut ditemani Pengerusi Persatuan Skuasy Pulau Pinang, **DATUK LINDA GEH** dan jurulatihnya, **AARON SOYZA**.

Selain Filipina, Buletin Mutiara difahamkan bahawa Wee Wern turut memperoleh tawaran daripada beberapa lagi negara lain walaupun dirinya tiada sebarang pengalaman rasmi dalam bidang kejurulatihan.

Wee Wern sebelum ini cuma pernah mengadakan beberapa klinik sukan skuasy untuk Singapura, Jepun dan China selain membantu Soyza melatih pemain luar yang datang ke Pulau Pinang.

Kejayaan-kejayaan lampau seperti kedudukan kelima pada tahun 2014; memenangi pingat emas dan perak Sukan Asia Incheon, Korea Selatan; emas berpasukan 2010 di China; empat kali juara Persatuan Skuasy Profesional (PSA), Kejohanan Universiti Dunia dan lain-lain pertandingan dilihat sebagai sandaran pemilihan Wee Wern oleh Filipina.

"Di Filipina, skuasy adalah sukan yang sedang meningkat naik dan mendapat perhatian, justeru, saya berharap pemergian saya ke Filipina dapat sedikit sebanyak membantu meningkatkan prestasi pemain negara tersebut.

*(Sambungan di muka 14).*



LOW Wee Wern.

TERRACES
CONDOMINIUM
BUKIT JAMBUL · PENANG

Kegembiraan di Setiap Tahap Kehidupan

- Ruang kediaman yang luas untuk semua saiz keluarga
- Landskap indah
- Dikelilingi alam semula jadi
- Kemudahan rekreasi
- Lokasi strategik
- Akses mudah ke pelbagai destinasi




WORLDWIDE VENTURES SDN BHD 198901010687 [187989-U]
Suite 16-01, Menara IJM Land, 1, Lebuh Tunku Kudin 3, 11700 Gelugor, Pulau Pinang, Malaysia.

IJM LAND
ANAK SYARIKAT IJM CORPORATION BERHAD

+604 296 1288 IJM Land Berhad ijmland ijmland.com

No. Lesen Pemaju: 6212/05-2027/0468(R) • Tempoh Sahlaku: 26/05/2022 - 25/05/2027 • No. Permit Jualan & Iklan: 6212-4/05-2024/1027(R)-(S) • Tempoh Sahlaku: 26/05/2023 - 25/05/2024 • Pemaju: Worldwide Ventures Sdn Bhd • Alamat Pemaju: Suite 16-01, Menara IJM Land, 1 Lebuh Tunku Kudin 3, 11700 Gelugor, Pulau Pinang • No. Telefon: 04-2961288 • Pemajuan Perumahan: The Terraces Condominium • No. Pelan Bangunan: MBPP/OSC/PB9690/17(LB) • Pihak Berkuasa Yang Meluluskan: Majlis Bandaraya Pulau Pinang • Jumlah Unit: 410 unit • Tarikh Jangka Siap: Feb 2025 • Pegangan: Pajakan 99 Tahun, Tamat tempoh pajakan tanah pada 15 Mac 2115 • Bebanan Tanah: Tiada • Harga: RM637,000 (min) - RM752,000 (maks) • 5% Diskaun untuk Bumiputra • Sekatan Kepentingan: Tanah yang diberimilik ini tidak boleh dipindahmilik, dicagar, dipajak, pajakan kecil atau sebarang bentuk jua sekalipun tanpa kebenaran Pihak Berkuasa Negeri.

IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA

**USAHA** pengukuhan bekalan elektrik ke bahagian pulau melalui projek sambungtara talian atas sepanjang 8.5 kilometer (km) yang dibangunkan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) merentasi perairan negeri serta selari dengan Jambatan Pulau Pinang dijangka siap sepenuhnya pada tahun ini.

Sebanyak 31 *'monopole'* atau tiang menara, termasuk enam tiang dengan reka bentuk buah pinang yang sedang dibina dengan 62 peratus tahap pemajuan (sehingga 5 Mac 2024), kelak akan menjadi satu lagi mercu tanda keunikan Pulau Pinang serta dijangka akan menjadi ikon tarikan pelancong baharu ke negeri ini.

Pengurus Besar TNB Negeri, **DATUK ISMAIL LATHIFI TEH** dalam wawancara bersama-sama wartawan Buletin Mutiara,




**TIANG-tiang menara yang kelihatan kini.**

# Projek sambungtara talian atas TNB tingkat sistem daya harap tenaga

**ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **AHMAD ADIL MUHAMAD** di Wisma TNB dekat Jalan Anson pada 6 Mac 2024 antara lain memberitahu bahawa firma operator tenaga negara itu melaburkan kira-kira RM500 juta bagi memastikan permintaan tenaga senantiasa terjamin dan mampan bagi memenuhi keperluan pembangunan masa depan di Pulau Pinang terutama ke bahagian pulau.

"Sekarang telah didirikan tiga tiang menara *(monopole)* biasa yang tingginya 60 meter (m), menjelang hujung bulan Mei (2024) akan didirikan enam tiang menara mercu tanda dengan ada reka bentuk buah pinang setinggi 100m.

"Daripada 31 tiang menara yang akan didirikan, 26 tiang menara di laut manakala lima lagi (tiang menara) akan didirikan di darat.

"Jajaran projek ini adalah Perai, Pelabuhan Pulau Pinang akan menyeberang selari dengan Jambatan Pulau Pinang ke Batu Uban dan berakhir di atas sebidang tanah milik Kementerian Pertahanan Malaysia dekat (projek pembangunan bercampur) *The Light*," jelasnya.

Bercerita lanjut, Ismail Lathifi memberitahu bahawa pembinaan 31 tiang menara itu sebenarnya adalah salah satu daripada empat komponen utama projek tersebut.

"Komponen lain yang turut akan dibina adalah pembesaran stesen jana kuasa sedia ada di Perai, pembinaan Pencawang Masuk Utama (PMU) baharu dekat *The Light* serta kerja-kerja penyambungan infrastruktur dari PMU Stesen Janakuasa (SJ) Perai ke PMU *The Light*," ujarnya.

Sebelum projek baharu berkaitan siap, sambungtara talian tenaga ke bahagian pulau adalah melalui tiga kaedah, antaranya kabel lama bawah laut dengan kapasiti 90 kilovolt (kV).

Kaedah kedua, sambungtara talian kabel berkapasiti 275kV di bawah Jambatan Pulau Pinang yang berusia kira-kira 40 tahun, begitu juga kabel bawah laut berkapasiti 275kV dari Juru ke Bayan Lepas.

Mengulas lanjut, Ismail Lathifi menyatakan bahawa TNB juga mempunyai SJ sendiri di Gelugor dengan hayat operasi sehingga 31 Ogos tahun ini.

"Dengan beroperasi sambungtara talian atas nanti, sepatutnya SJ Gelugor dihentikan sepenuhnya, tetapi kita (TNB) akan membangunkan semula stesen janakuasa tersebut sebagai satu lagi pelan sokongan bekalan tenaga pada masa hadapan.

"Amat rugi apabila SJ Gelugor ini di atas tanah milik TNB sendiri, telah ada fasiliti di atas tanah itu, tetapi kita (TNB) tidak menaik taraf semula tempat itu sebagai pelan sokongan (tenaga).



**RUPA bentuk tiang menara atau *monopole*.**



**ISMAIL Lathifi Teh.**

"SJ Gelugor ketika ini membekalkan 40 peratus tenaga ke bahagian pulau, ini bermakna 60 peratus lagi tenaga disambungtara talian dari (tanah besar) Seberang Perai," ulasnya lanjut sambil menyatakan bahawa SJ Gelugor hampir berusia 21 tahun.

Tambah beliau, buat masa ini, permintaan tenaga bagi semua sektor domestik dan komersial sekitar bahagian pulau adalah kira-kira 800kV.

"TNB memang memberi penekanan supaya permintaan tenaga ke bahagian pulau senantiasa berdaya harap.

"Semasa saya mula-mula bekerja di Pulau Pinang pada tahun 1986, gangguan bekalan elektrik di negeri ini dalam setahun adalah lebih 300 minit atau lima jam.

"Tetapi, sistem berdaya harap di Pulau Pinang sekarang sudah bertaraf dunia, iaitu (gangguan bekalan tenaga) kurang 50 minit (setahun), yang mana kedudukan negeri ini adalah sama seperti negara United Kingdom dan Australia," katanya.

Mengakhiri wawancara, Ismail Lathifi, 60, yang akan bersara wajib pada tahun ini berkata bahawa pihaknya senantiasa berharap pengukuhan bekalan elektrik ke bahagian pulau melalui sambungtara talian atas sepanjang 8.5kV adalah penting bagi memenuhi permintaan tenaga khusus di sini (bahagian pulau negeri Pulau Pinang).

"Di Pulau Pinang, jangkaan permintaan tenaga utama yang akan dapat adalah apabila wujudnya (sebuah pulau buatan yang dikenali sebagai) *Silicon Island*; projek transit aliran ringan (LRT) Bayan Lepas ke George Town (yang akan berakhir di *Penang Sentral*, Butterworth) dan Zon Industri Bayan Lepas dari segi beban permintaan tenaga akan kian meningkat walaupun saiz tanah industri di sana ketika ini adalah terhad.

"Dari segi jualan, TNB melihat Pulau Pinang adalah 'negeri tenaga' yang begitu penting untuk menjana pertumbuhan pelaburan serta pembangunan infrastruktur ekonomi.

"Ini kerana, Pulau Pinang (dari segi jualan) merupakan negeri keempat di belakang Selangor diikuti Johor dan ketiga adalah Kuala Lumpur.

"Sebab itu, projek sambungtara talian atas yang sedang dilaksanakan ini adalah penting bagi memastikan pembekalan tenaga di negeri ini terus berdaya harap," ujarnya sambil merakamkan penghargaan kepada pentadbiran Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow serta semua jabatan kerajaan berkaitan yang terlibat memudah cara di sebalik projek ini.

| ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA**<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **N.37 BATU MAUNG**<br>YB Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid<br>mohdhamid@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| **N.29 DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 261 8715 |
| **N.15 PADANG LALANG**<br>YB Gooi Zi Sen<br>gooizisen@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028 |
| **N.16 PERAI**<br>YB Dato' Seri Sundarajoo A/L Somu<br>n16.kadunperai@gmail.com | (T) 04 - 397 3600 |
| **N.19 JAWI**<br>YB H'ng Mooi Lye<br>n19dunjawi@gmail.com | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **N.21 SUNGAI ACHEH**<br>YB Rashidi Bin Zinol<br>n21sgachehpk@gmail.com | (T) 04 - 593 2408<br>(F) |
| **N.22 TANJONG BUNGA**<br>YB Zairil Khir Johari<br>tanjongbunga@bukitbendera.org | (T) 04 - 818 3866<br>(F) 04 - 262 5952 |
| **N.30 SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>limsiewkhim@penang.gov.my | (T) 04 - 657 6630<br>(F) 04 - 658 6630 |
| **N.34 PAYA TERUBONG**<br>YB Wong Hon Wai<br>wonghonwai1973@gmail.com | (T) 04 - 826 1898<br>(F) |
| **N.36 PANTAI JEREJAK**<br>YB Fahmi Zainol<br>fahmizainol@penang.gov.my | (T) 04 - 293 7545<br>(F) 04 - 293 7546 |
